



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 24 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,673 kes**, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **44,153 kes** (75.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Untuk pertama kalinya, pada 24 November 2020, negara kita telah merekodkan kes harian mencecah angka dua ribu iaitu sebanyak **2,188 kes baharu**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **58,847 kes**.

Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 14,353 kes.** Tiada kes import yang dilaporkan pada hari ini.

Negeri Selangor masih lagi mencatatkan pelaporan kes harian tertinggi iaitu sebanyak **1,623 kes (74.2 peratus)**. Ini diikuti oleh negeri Sabah iaitu sebanyak **232 kes (10.6 peratus)** dan negeri Perak sebanyak **112 kes (5.1 peratus)**. Sebahagian besar daripada kes yang dilaporkan di negeri Selangor adalah daripada Kluster Teratai dengan pertambahan sebanyak **1,511 kes (93.1 peratus)**. Seperti yang telah dimaklumkan, pasukan perubatan dan kesihatan awam bantuan telah digerakkan ke kawasan yang terlibat bagi membantu segala aktiviti kawalan dan pencegahan termasuk saringan secara besar-besaran.

Sebanyak **107 kes (4.9 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Tembok (103 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (2 kes), Kluster Penjara Kepayan (1 kes) dan Kluster Penjara Sandakan (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**.

Sehingga kini, terdapat **112 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **49 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **empat (4) kes** kematian berkaitan COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **341 kes (0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
338	49641	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	84	Hospital Pulau Pinang	Penyakit darah tinggi dan penyakit kronik paru-paru
339	55063	Sabah	Lelaki (WN)	74	Hospital Lahad Datu	-
340	55064	Sabah	Perempuan (WN)	41	Hospital Lahad Datu	-

341	54826	Sabah	Lelaki (BWN)	45	Hospital Tawau	-
-----	-------	-------	-----------------	----	-------------------	---

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 24 November 2020, terdapat sebanyak **334 kluster** telah dilaporkan. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **167 kluster** dengan **satu (1) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Bah Layangan. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **167 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **36 kluster** melaporkan pertambahan kes. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Teratai (1,511 kes)**, **Kluster Tembok (103 kes)**, dan **Kluster Bintang (69 kes)**.

STATUS TERKINI KLUSTER TEMPAT KERJA

Peningkatan kes mendadak di negeri-negeri Lembah Klang secara amnya dan di negeri Selangor secara khususnya

kebelakangan ini adalah berkait rapat dengan kluster-kluster di tempat kerja.

Sehingga kini, terdapat **119 kluster** yang dilaporkan adalah berkaitan tempat kerja. Daripada jumlah itu, sebanyak 36 kluster telah diisytiharkan tamat manakala **83 buah kluster** lagi masih aktif sehingga ke hari ini. Sejumlah 77,201 individu telah disaring di mana sebanyak **12,079 kes telah didapati positif COVID-19**. Ini melibatkan 4,398 kes warganegara dan 7,681 kes adalah bukan warganegara. Berikut adalah **lima (5) kluster** berkaitan tempat kerja yang melaporkan kes tertinggi sejak bermulanya pandemik COVID-19 di negara kita.

Bil	Kluster	Negeri	Jumlah kes	Jumlah disaring	WN	BWN
1	Kluster Teratai	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor	4,036	5,777	190	3,846
2	Kluster Tapak Bina Damanlela	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor	1,539	3,496	37	1,502

3	Kluster Cergas	Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan	1,337	5,198	268	1,069
4	Kluster Hentian	Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	1,101	9,204	215	886
5	Kluster Kaya	Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor, Kelantan, Perak	900	4,391	503	397

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Pada gelombang ketiga pandemik ini, negara telah menyedari kepentingan untuk mengimbangi di antara “*live and livelihood*”. Maka pendekatan yang telah diambil seperti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan tertentu adalah untuk menjaga kepentingan kedua-dua aspek iaitu kesihatan dan ekonomi. Walau bagaimanapun, kejayaan strategi ini memerlukan kerjasama yang sangat tinggi daripada para majikan bagi memastikan semua amalan pekerjaan dan para pekerja sentiasa patuh

pada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Bagi industri yang menggunakan banyak tenaga kerja daripada kalangan bukan warganegara, majikan bertanggungjawab menyediakan tempat kediaman pekerja yang kondusif serta memastikan pekerja mereka sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 di kediaman dan tempat kerja. Antara amalan-amalan yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Pemeriksaan suhu badan dan gejala sebelum memasuki tempat kerja;
- Penyediaan tempat mencuci tangan atau *hand sanitizer*;
- Kerap melaksanakan proses pembersihan dan pembasmian kuman terutamanya ruang guna sama;
- Amalan jarak sosial selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter termasuk di ruang kerja dan ruang makan (*pantry*);
- Pastikan pekerja tidak berkumpul di ruang sempit (*confined space*);
- Elakkan terlalu ramai pekerja bersama pada satu masa (*congregation*); dan

- Pastikan jarak 1 meter semasa pekerja bertutur dengan satu sama lain (*close conversation*).

KKM menyeru pihak majikan untuk memainkan peranan lebih besar bagi bersama-sama menangani penularan COVID-19 di Malaysia. Seperti kata pepatah *berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

24 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 24 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	232	26,619
SELANGOR	1,623	12,578
W.P. KUALA LUMPUR	90	5,146
NEGERI SEMBILAN	73	4,058
KEDAH	14	2,390
PULAU PINANG	15	1,795
PERAK	112	1,297
W.P. LABUAN	1	1,241
JOHOR	19	1,119
SARAWAK	1	1,056
PAHANG	0	395
MELAKA	2	384
KELANTAN	6	294
TERENGGANU	0	234
W.P. PUTRAJAYA	0	198
PERLIS	0	43
JUMLAH KESELURUHAN	2,188	58,847

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 2,188 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 24 November 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,623 kes**
 - 1,539 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 54 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 232 kes**
 - 31 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 131 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 70 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 112 kes** daripada kluster-kluster sedia ada.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 90 kes**
 - 82 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 73 kes**
 - 71 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 19 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 15 kes**
 - 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 14 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: Enam (6) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: Dua (2) kes** daripada kluster sedia ada.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

- **Sarawak: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.